

# Digital Transformation in Organizational Communication: The Role of Canva in Supporting Visual Tasks Among UiTM Staff

## *Transformasi Digital dalam Komunikasi Organisasi: Peranan Canva dalam Menyokong Tugasan Visual Staf UiTM*

\*Juaini Jamaludin<sup>1</sup>, Syahrini Shawalludin, Normaziana Hassan<sup>3</sup>, Asrol Hasan<sup>4</sup>

<sup>1,2,3,4</sup>Faculty of Arts and Design, Universiti Teknologi MARA,  
Kedah Branch, 08400, Merbok, Kedah

<sup>1</sup>juaini@uitm.edu.my, <sup>2</sup>syahrini@uitm.edu.my, <sup>3</sup>normazianahassan@uitm.edu.my,

<sup>4</sup>asrol726@uitm.edu.my

\*Corresponding author

Received: 20 May 2025; Accepted: 31 August 2025; Published: 1 September 2025

## ABSTRACT

The Canva Application Course, organised by the Infostructure Division of UiTM Kedah Branch on 23 April 2025, aimed to enhance digital design skills among academic and administrative staff. Conducted as a hands-on session over seven hours, the course focused on producing visual materials such as posters, presentation slides, animations, and QR code generation using Canva. A total of 32 participants attended, with 28 written feedback responses collected. This study analyses the impact of Canva usage on the professionalism of daily tasks and identifies challenges faced by participants in adopting the platform. Findings reveal that Canva enhances the quality of visual presentations and facilitates the preparation of official communication materials in a more structured, creative, and engaging manner. Participants expressed high interest in continuing with an advanced series of the course. However, participants noted challenges such as limited access to advanced features, unstable internet connectivity, and the absence of standardised design templates. Recommended improvements include the provision of intermediate-level modules, development of official organisational templates, and the creation of microlearning resources such as short video tutorials. This analysis demonstrates that Canva holds great potential as an effective work support tool in improving digital competency and visual communication among staff in higher education institutions. Similar training programmes should be continued to strengthen professional development and digital readiness across departments.

**Keywords:** Canva, Visual Communication, Professionalism, Visual Design Tool

## ABSTRAK

Kursus Aplikasi Canva yang dianjurkan oleh Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Kedah pada 23 April 2025 bertujuan memperkenalkan kemahiran reka bentuk digital kepada staf akademik dan pentadbiran. Kursus ini dilaksanakan secara hands-on selama tujuh jam, memberi penekanan kepada penghasilan bahan visual seperti poster, slaid pembentangan, animasi, serta penjanaan kod QR menggunakan aplikasi Canva. Seramai 32 peserta telah mengikuti kursus ini dan 28 maklum balas telah diterima. Kajian ini menganalisis kesan penggunaan Canva terhadap tahap profesionalisme dalam tugas harian serta mengenal pasti cabaran yang dihadapi peserta. Dapatkan menunjukkan bahawa penggunaan Canva meningkatkan mutu persembahan visual dan memudahkan penyediaan bahan komunikasi rasmi dengan lebih sistematik, kreatif dan menarik. Peserta juga menunjukkan minat yang tinggi terhadap penganjuran siri lanjutan. Walau bagaimanapun, antara cabaran yang dikenal pasti

termasuk keperluan latihan untuk ciri lanjutan, kekangan capaian internet, dan kekurangan panduan reka bentuk rasmi jabatan. Oleh itu, cadangan penambahbaikan termasuk penyediaan modul lanjutan, template rasmi organisasi dan pembangunan sumber pembelajaran mikro seperti tutorial video. Kajian ini membuktikan bahawa Canva berpotensi besar sebagai alat bantu kerja yang berkesan dalam meningkatkan kemahiran digital dan komunikasi visual dalam sektor pentadbiran dan pendidikan tinggi. Latihan seumpama ini wajar dijadikan program berterusan demi memperkuuh kecekapan profesional warga institusi.

**Kata Kunci:** *Canva, Komunikasi Visual, Profesionalisme, Alat Reka Bentuk Visual.*



ISSN: 2550-214X © 2025. Published for Ideology Journal by UiTM Press. This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution-No Commercial-No Derivatives License (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc-nd/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited, and is not altered, transformed, or built upon in any way.

## 1 PENGENALAN

Dalam era digital masa kini, kemahiran reka bentuk grafik bukan lagi eksklusif kepada pereka profesional, malah telah menjadi keperluan dalam pelbagai sektor, termasuk institusi pendidikan. Transformasi digital memberi kesan bukan sahaja kepada pelajar, malah turut mempengaruhi cara staf akademik dan pentadbiran mengurus tugasan harian. Kajian terdahulu menegaskan bahawa penggunaan multimedia meningkatkan keberkesan pengajaran, sekali gus membantu staf menyampaikan tugas dengan lebih interaktif (Ramlie, Rahaman, Ahmad, & Abdullah, 2023). Norma baharu pembelajaran jarak jauh juga menuntut penggunaan platform digital (Radzi & Sulaiman, 2021), manakala teknologi visual semakin berkembang dengan integrasi seni media dan budaya (Sabran, 2019).

Canva muncul sebagai salah satu platform reka bentuk berdasarkan web yang membolehkan pengguna menghasilkan pelbagai bahan visual seperti poster, pembentangan, infografik, dan kandungan media sosial. Aplikasi ini mudah diakses oleh pengguna tanpa latar belakang reka bentuk profesional kerana ia menyediakan templat sedia ada, integrasi kolaborasi dalam talian, serta capaian rentas peranti (Affandi, 2023; Saputra & Baihaqi, 2025). Kajian membuktikan Canva lebih mudah digunakan berbanding aplikasi lain (Mohd, 2019; Pedroso et al., 2023), dan ia memberi impak dalam penyampaian maklumat yang lebih berkesan (Dewi, Harini & Yoga, 2023).

Kajian ini dijalankan untuk menilai impak penggunaan Canva terhadap tahap profesionalisme staf pentadbiran di UiTM Kedah, khususnya dalam konteks tugas visual, komunikasi rasmi, dan kreativiti dalam penghasilan bahan sokongan.

### 1.1 Pernyataan Masalah

Walaupun Canva semakin mendapat tempat dalam kalangan pengguna bukan profesional, masih terdapat kekangan dari segi kesedaran, kemahiran, dan tahap penggunaan optimum dalam kalangan staf pentadbiran di UiTM Kedah. Sesetengah pengguna mungkin masih bergantung kepada perisian konvensional seperti Microsoft PowerPoint tanpa mengeksplorasi potensi penuh Canva yang boleh menjadikan tugas mereka lebih efisien dan menarik. Masalah yang dikenal pasti ialah kesukaran memahami maklumat kompleks apabila ia hanya disampaikan melalui teks panjang atau penjelasan lisan. Kajian oleh Miranda dan Enciso (2023) menunjukkan bahawa Canva dapat mengatasi isu ini melalui templat visual interaktif yang membantu penerima maklumat menukar maklumat abstrak kepada representasi grafik yang lebih mudah diingati. Selain itu, kajian Hasnawati (2023) menegaskan bahawa penggunaan PowerPoint yang tidak menarik sering menjadi masalah dalam penyampaian maklumat, manakala penggunaan Canva pula masih tidak konsisten serta kurang inovasi. Latihan kemahiran digital di peringkat organisasi memerlukan pendekatan yang sistematik bagi memastikan pelaksanaan tugas dapat dijalankan dengan lebih efisien.

Tambahan pula, belum banyak kajian dijalankan untuk menilai secara empirik bagaimana aplikasi ini menyumbang kepada peningkatan profesionalisme staf dari sudut kreativiti, kebolehgunaan teknologi dan kesan visual dalam komunikasi. Oleh itu, kajian ini penting untuk merapatkan jurang tersebut dan memberi cadangan penambahbaikan dalam pelaksanaan latihan atau polisi organisasi berkaitan kemahiran digital.

Pelbagai kajian yang berkaitan dengan penggunaan Canva banyak dijalankan oleh pengkaji, terutama dari luar negara, terutama dalam bidang pendidikan. Namun untuk kajian mengenai reaksi staf akademik dan pentadbiran terhadap penggunaan Canva sebagai alat bantu dalam meningkatkan kualiti komunikasi visual mereka amatlah kurang; oleh itu, terdapat ruang untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang ini bagi mendapatkan pandangan yang lebih menyeluruh. Selain itu, penambahbaikan dan penyelarasan penggunaan Canva dengan keperluan akademik juga perlu diberi perhatian bagi memastikan keserasian dan keberkesanannya. Hasil kajian (Canva 2024) menunjukkan betapa pentingnya penggunaan alat komunikasi visual seperti Canva dalam meningkatkan efektiviti komunikasi di tempat kerja. Oleh itu, pemahaman dan penguasaan terhadap platform ini perlu ditingkatkan bagi memastikan keserasian dan keberkesanannya. Ini membuktikan bahawa penggunaan alat komunikasi visual dapat memberi impak positif terhadap prestasi dan produktiviti pasukan dalam organisasi. Oleh itu, penting bagi setiap individu untuk terus mengembangkan kemahiran dalam menggunakan alat komunikasi visual untuk mencapai kejayaan di tempat kerja.

## 1.2 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif kajian, iaitu:

- 1.2.1 Menilai keberkesanannya kursus dari sudut pengajaran dan impak penggunaan Canva dalam kerja harian.
- 1.2.2 Menganalisis kesan penggunaan Canva terhadap tahap profesionalisme dalam penyampaian bahan kerja.
- 1.2.3 Mengenal pasti cabaran dan keperluan sokongan tambahan berkaitan penggunaan aplikasi ini.

## 2 SOROTAN KAJIAN

Ramlie, Rahaman, Ahmad, dan Abdullah (2023) menegaskan bahawa penggunaan multimedia meningkatkan keberkesanannya pengajaran, sekali gus membantu staf menyampaikan tugas dengan lebih interaktif. Radzi dan Sulaiman (2021) menunjukkan bagaimana norma baharu pembelajaran jarak jauh menuntut pelajar menyelesaikan tugas menggunakan platform digital, manakala staf perlu menyediakan sokongan teknikal serta komunikasi yang lebih jelas. Selain itu, Sabran (2019) menekankan bahawa transformasi digital dalam seni visual semakin ketara apabila video dijadikan bahantara praktis media baharu, memperlihatkan integrasi teknologi elektronik dengan ekspresi budaya.


Canva terbukti lebih mudah digunakan berbanding aplikasi lain, terutama bagi individu tanpa latar belakang reka bentuk grafik (Mohd, 2019). Pedroso et al. (2023) menyatakan bahawa Canva kini digunakan oleh lebih 25 juta pengguna dan terkenal dengan antara muka mesra pengguna. Ia dilengkapi lebih 20 jenis media profesional yang boleh dibangunkan sama ada daripada templat sedia ada atau bermula dari awal. Kajian oleh Dewi, Harini, dan Yoga (2023) menegaskan bahawa penggunaan Canva mampu mengurangkan kos, menjimatkan masa, serta memperluas capaian penyampaian maklumat melalui templat digital yang menarik dan mesra pengguna.

Selain itu, Canva juga hadir dalam versi percuma (Canva Free) dengan dua jenis aplikasi, iaitu aplikasi komputer (desktop app) dan aplikasi mudah alih untuk Android dan iOS. Kajian oleh Alia, Prayogo, Kriswibowo, dan Febriana (2024) menunjukkan bahawa Canva meningkatkan kreativiti serta produktiviti reka bentuk, di samping mengurangkan jurang teknologi dalam kalangan peserta bengkel.

Dalam konteks UiTM Kedah, penggunaan Canva dapat membantu staf pentadbiran meningkatkan keberkesanannya komunikasi visual, mempersembahkan data dengan lebih menarik serta mewujudkan identiti profesional yang lebih tersusun. Latihan dan kursus berkaitan Canva membuka ruang kepada pembangunan kemahiran baharu yang menyumbang kepada peningkatan profesionalisme serta memperluas pengaruh komunikasi organisasi melalui platform digital.

### 3 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metodologi *community service training* dengan pendekatan PDCA (Plan-Do-Check-Act). Kursus Canva telah dianjurkan oleh Bahagian Infostruktur UiTM Kedah pada 23 April 2025, melibatkan 32 orang staf pentadbiran dengan 28 maklum balas yang diterima.



**Rajah 1** Kitaran PDCA (Plan-Do-Check-Act)

**Jadual 1** Proses PDCA dalam kajian

<b>Fasa</b>	<b>Penerangan</b>
<b>Plan (Perancangan)</b>	<p>Pihak Bahagian Infostruktur UiTM Kedah terlebih dahulu mengenal pasti masalah dan keperluan organisasi berkaitan kemahiran komunikasi visual staf pentadbiran.</p> <p>Perbincangan bersama Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) dijalankan bagi menyelaraskan objektif latihan.</p> <p>Hasil perbincangan digunakan untuk menyusun kurikulum kursus Canva, yang meliputi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Pengenalan Reka Bentuk Grafik Asas</li> <li>- Reka Bentuk Kandungan Media Sosial</li> <li>- Reka Bentuk untuk Percetakan &amp; Video</li> </ul> <p>Tenaga pengajar berpengalaman dijemput, modul latihan disediakan, dan templat contoh disiapkan.</p> <p>Dari segi logistik, penyusunan jadual, penyebaran surat jemputan, serta penyediaan makmal komputer dengan capaian internet dilakukan.</p>
<b>Do (Pelaksanaan)</b>	<p>Kursus dijalankan selama 7 jam secara bersemuka dengan kombinasi ceramah ringkas dan bengkel amali.</p> <p>Peserta diperkenalkan dengan asas penggunaan aplikasi Canva melalui projek mini seperti:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>- Slaid pembentangan</li> <li>- Poster &amp; infografik</li> <li>- Animasi ringkas</li> <li>- Penjanaan QR Code dan perkongsian media sosial</li> </ul>

	<p>Setiap sesi amali diikuti dengan sesi reflektif di mana peserta berkongsi pengalaman dan hasil kerja mereka.</p>
<b>Check (Pemantauan)</b>	<p>Keberkesanan kursus dinilai menggunakan pelbagai instrumen:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Ujian pra &amp; pasca latihan untuk menilai tahap pengetahuan sebelum dan selepas kursus.</li><li>- Pemerhatian langsung oleh fasilitator semasa peserta menghasilkan tugas.</li><li>- Soal selidik bertulis bagi mendapatkan maklum balas pengalaman peserta.</li><li>- Temu bual ringkas untuk memahami cabaran yang dihadapi.</li></ul> <p>Dokumentasi program dikumpul dalam bentuk foto, video, senarai kehadiran, serta contoh tugas yang dihasilkan peserta.</p>
<b>Act (Penambahbaikan / Tindakan Susulan)</b>	<p>Data dianalisis menggunakan kaedah deskriptif kualitatif melalui reduksi data, penyajian naratif, dan pengesahan kesimpulan. Hasil analisis mengenal pasti beberapa isu utama:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Kekangan capaian internet.</li><li>- Kesukaran memahami ciri lanjutan Canva seperti <i>brand kit</i> dan fungsi kolaborasi.</li><li>- Ketidadaan templat rasmi organisasi.</li></ul> <p>Cadangan penambahbaikan:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- Menyediakan modul lanjutan (<i>intermediate/advanced</i>).</li><li>- Membangunkan templat rasmi organisasi dalam Canva.</li><li>- Menyediakan sumber mikro pembelajaran seperti tutorial video untuk sokongan kendiri selepas kursus.</li></ul>

## 4 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Kursus aplikasi Canva yang dianjurkan oleh Bahagian Infostruktur UiTM Kedah telah disertai oleh 32 orang staf pentadbiran dengan tujuan memperkenalkan serta memperkasakan kemahiran dalam penghasilan tugas berbentuk visual dan komunikasi digital. Kursus ini dilaksanakan dengan pendekatan hands-on agar peserta dapat menguasai aplikasi secara praktikal dan kontekstual, sekali gus memberi kesan langsung terhadap kualiti tugas harian.


Pelaksanaan kursus ini menggunakan metodologi community service training berdasarkan kitaran PDCA (Plan–Do–Check–Act) yang memastikan program dilaksanakan secara sistematik. Pada fasa perancangan (Plan), Bahagian Infostruktur mengenal pasti keperluan organisasi melalui temu bual bersama Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD). Hasil dapatan digunakan untuk membangunkan kurikulum kursus merangkumi reka bentuk grafik asas, kandungan media sosial, serta reka bentuk untuk percetakan dan video. Modul, templat dan panduan praktikal turut disediakan oleh tenaga pengajar yang berkemahiran, manakala aspek logistik termasuk jadual, makmal komputer, capaian internet dan surat jemputan dirancang dengan teliti.

Fasa pelaksanaan (Do) dijalankan selama tujuh jam secara bersemuka dengan gabungan ceramah ringkas dan bengkel amali. Peserta didedahkan kepada penggunaan asas Canva sebelum menghasilkan projek mini berbentuk slaid pembentangan, poster, animasi ringkas dan penjanaan kod QR. Hasil kerja peserta kemudiannya dibincangkan dalam sesi refleksi bagi menggalakkan perkongsian pengalaman dan penilaian kendiri, sekaligus menambah keyakinan mereka terhadap penggunaan aplikasi.



**Rajah 2 Fasa Pelaksanaan**

Seterusnya, fasa pemantauan (Check) dijalankan melalui ujian pra dan pasca latihan, pemerhatian langsung, soal selidik bertulis dan temu bual ringkas. Data dokumentasi termasuk foto, video, senarai kehadiran dan hasil kerja peserta turut dianalisis secara deskriptif kualitatif melalui tiga peringkat: reduksi data, penyajian naratif, dan pengesahan kesimpulan.



**Rajah 3 Fasa Pemantauan**

Akhirnya, fasa tindakan (Act) memberi fokus kepada penambahbaikan jangka panjang. Antara cabaran yang dikenal pasti termasukkekangan capaian internet, kesukaran memahami ciri lanjutan seperti *brand kit* dan fungsi kolaborasi, serta ketiadaan templat rasmi organisasi. Berdasarkan isu tersebut, peserta mencadangkan modul lanjutan, penyediaan tutorial mikro berbentuk video, serta pembangunan templat rasmi jabatan agar penggunaan Canva lebih konsisten dan sistematik.

## 4.1 Perbincangan Kajian

Hasil dari impak kursus, Canva memperkenalkan ciri interaktif berdasarkan templat yang memudahkan pengguna bukan rekaan menghasilkan bahan komunikasi yang menarik. Hasil daripada perbandingan dengan PowerPoint menekankan bahawa Canva menyediakan lebih banyak fungsi automasi dan grafik berimpak tinggi.

**Jadual 2 Kesan Penggunaan Canva terhadap Profesionalisme dalam Tugasan Harian**

Aspek	Kesan Dikenalpasti
Pembentangan	Reka bentuk lebih kemas, berstruktur dan dinamik dengan elemen visual yang menarik seperti animasi dan ikon
Poster dan Infografik	Kualiti visual dan susun atur menjadi lebih professional dengan bantuan templat pra-sedia

Bahan Komunikasi Rasmi	Canva membolehkan penghasilan surat jemputan, jadual program dan pengumuman rasmi yang lebih visual dan tersusun, menambah kredibiliti jabatan.
------------------------	---

Selain itu, maklum balas seperti “mudah difahami”, “santainya pembelajaran” dan “terbaik” menunjukkan peningkatan keyakinan peserta dalam menghasilkan bahan kerja berkualiti tinggi. Respon ini membuktikan bahawa pendekatan latihan berdasarkan amali yang digunakan mampu mengurangkan rasa kekok terhadap teknologi baharu dan menjadikan proses pembelajaran lebih inklusif. Peserta bukan sahaja memperoleh kemahiran teknikal, malah turut mengembangkan sikap positif terhadap penggunaan aplikasi reka bentuk digital. Hal ini menggambarkan bahawa kursus ini berjaya mewujudkan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, mendorong kerjasama antara peserta, serta membuka ruang kepada kreativiti yang lebih bebas tanpa tekanan formal.

**Jadual 3 Cabaran dan Keperluan Sokongan Tambahan**

Cabaran Dikenalpasti	Keperluan Sokongan
Kekangan capaian internet semasa Latihan	Sediakan versi <i>offline workaround</i> atau panduan PDF sebagai rujukan.
Kekeliruan alam penggunaan ciri lanjutan seperti <i>brand kit</i> atau kolaborasi	Adakan sesi <i>intermediate / advanced</i> bagi mempelajari fungsi lanjutan.
Kekurangan pemahaman tentang <i>format rasmi jabatan</i>	Sediakan panduan <i>template rasmi organisasi</i> yang boleh digunakan terus dalam Canva.

Hasil kajian mendapati bahawa kursus Canva yang dilaksanakan di UiTM Kedah memberi kesan positif terhadap kemahiran staf pentadbiran dalam menghasilkan tugas visual. Peserta berjaya menghasilkan poster, slaid pembentangan, animasi, dan bahan komunikasi rasmi dengan lebih tersusun, kreatif, dan menarik. Maklum balas soal selidik dan sesi refleksi menunjukkan bahawa majoriti peserta berasa lebih yakin menggunakan Canva kerana ia mudah difahami, santai, dan sesuai diaplikasikan dalam tugas harian. Hal ini memperlihatkan bahawa penggunaan aplikasi reka bentuk digital mampu meningkatkan profesionalisme serta kualiti komunikasi organisasi.

Walau bagaimanapun, kajian juga mengenal pasti beberapa cabaran praktikal. Antara isu utama ialah keterbatasan capaian internet, kesukaran memahami ciri lanjutan seperti brand kit dan fungsi kolaborasi, serta ketiadaan templat rasmi organisasi. Peserta turut mencadangkan agar modul lanjutan serta sumber pembelajaran mikro seperti video tutorial disediakan bagi menyokong proses pembelajaran kendiri selepas kursus. Justeru, walaupun keberkesanan Canva telah dibuktikan, faktor sokongan teknikal dan struktur organisasi masih memainkan peranan penting dalam memastikan keberlanjutan impak transformasi digital.

Dapatkan ini selari dengan kajian Miranda dan Enciso (2023) yang menekankan keberkesanan Canva dalam membantu menyampaikan maklumat kompleks melalui penggunaan infografik interaktif yang mudah difahami. Begitu juga dengan Dewi, Harini dan Yoga (2023) yang mendapati bahawa Canva bukan sahaja menjimatkan masa dan kos, malah meningkatkan kepuasan pengguna kerana penyampaiannya lebih menarik dan mudah diakses. Justeru, maklum balas positif daripada peserta UiTM Kedah mengesahkan bahawa latihan berstruktur berdasarkan Canva mampu meningkatkan tahap keyakinan, kreativiti, dan profesionalisme dalam tugas harian staf pentadbiran. Namun, hasil ini berbeza dengan laporan Hasnawati (2023), yang mendapati penggunaan Canva dalam latihan ICT masih tidak konsisten, dengan ramai staf pentadbiran atas staf di organisasi lebih cenderung menggunakan PowerPoint walaupun hasilnya kurang menarik. Perbezaan ini menunjukkan bahawa keberkesanan Canva bergantung kepada reka bentuk latihan dan bimbingan berstruktur yang diberikan kepada pengguna.

Tambahan pula, penemuan kajian ini seiring dengan Alia et al. (2024), yang membuktikan bahawa penggunaan Canva mampu meningkatkan kreativiti dan produktiviti reka bentuk di era *Society 5.0*,

sekali gus mengurangkan jurang teknologi dalam kalangan masyarakat. Begitu juga Dewi, Harini, dan Yoga (2023) yang menekankan nilai praktikal Canva sebagai media promosi kreatif yang efisien dari segi kos dan masa. Kajian di UiTM Kedah bukan sahaja menyokong dapatkan-dapatkan terdahulu, malah memperluas perspektif dengan menyorot peranan Canva dalam memperkuat identiti organisasi melalui bahan komunikasi rasmi yang lebih profesional serta konsisten dengan imej institusi.

## 5 KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian ini, dapat disimpulkan bahawa aplikasi Canva merupakan satu alat digital yang semakin mendapat tempat dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran kerana kegunaan dan kemudahgunanya. Dalam erti kata lain, pengguna tidak memerlukan kemahiran teknologi yang tinggi untuk menggunakan aplikasi Canva. Selain itu, staf akademik dan pentadbiran juga mudah berkolaboratif dengan pihak atasan mahupun pengguna lain pada bila-bila masa tanpa kehadiran bersama atau perbincangan secara bersemuka kerana boleh dibuat secara maya.

Di samping itu, aplikasi Canva menjadi pilihan staf akademik dan pentadbiran UiTM Cawangan Kedah, kerana Canva menawarkan satu pakej yang cukup lengkap dengan tersedianya templat poster, templat slaid untuk pembentangan, penghasilan video, dan penyuntingan foto. Oleh itu, penggunaan Canva dapat menjimatkan masa pengguna kerana semua tugasannya boleh diselesaikan dalam satu platform yang sama. Malahan, segala hasil tugasannya yang dibuat dapat disimpan dalam akaun Canva dengan selamat dan percuma. Selain itu, penggunaan Canva dapat mengasah bakat dan daya kreativiti staf akademik serta pentadbiran, yang boleh mencipta poster, poskad, menyunting foto, dan menghasilkan video mengikut kreativiti mereka. Oleh yang demikian, kemahiran dalam mereka cipta dan kreativiti yang tinggi mampu menjadikan mereka lebih celik teknologi digital dan lebih bersedia untuk mendepani dunia pendigitalan dan Society 5.0.

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Bahagian Infostruktur UiTM Cawangan Kedah atas inisiatif menganjurkan Kursus Aplikasi Canva yang sangat bermanfaat. Usaha ini telah membuka ruang peningkatan kemahiran digital dalam kalangan staf dan menyokong usaha memperkasa komunikasi visual serta tugas rasmi secara lebih profesional dan berkesan.

## SUMBANGAN PENULIS

Penulis telah memberikan sumbangan yang sama rata terhadap penyediaan artikel ini.

## KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis menyatakan bahawa tiada sebarang konflik kepentingan yang berpotensi berkaitan dengan penyelidikan, penulisan, dan/atau penerbitan artikel ini.

## RUJUKAN

- Affandi, M. F. (n.d.). *Fintek di Canva Transformasi Digital dalam Industri Kreatif*.
- Alia, P. A., Prayogo, J. S., Kriswibowo, R., & Febriana, R. W. (2024). Pengembangan Keterampilan Desain Interaktif Dan Serbaguna Dalam Era Society 5.0 Dengan Menggunakan Canva. *Jurnal Pengabdian Kolaborasi dan Inovasi Ipteks*, 2(3), 977-982.  
<https://doi.org/10.59407/jpki2.v2i3.864>
- Canva. (2024). *The visual economy report* 2024.  
<https://www.canva.com/design/DAGFXvrB7nY/7loYt1i9FMUGTcqbLA3Ehw/view>

- Dewi, K. R. K., Harini, N. N. P., & Yoga, P. A. A. (2023). Pemanfaatan Canva Sebagai Media Promosi Kreatif dan Inovatif pada Era Digital: Using Canva as a Creative and Innovative Promotion Media in the Digital Era. *PROSPEK*, 2(2), 298-303.
- Hasnawati, H. (2023). An Analysis of Learning Design Using the Canva Application in Information and Communication Technology (ICT) Training. *12 Waiheru*, 9(1), 75-81. <https://doi.org/10.47655/12waiheru.v9i1.143>
- Miranda, C., & Enciso, L. (2023, June). Use of Canva as a communication tool in the educational process through infographics. In *2023 18th Iberian Conference on Information Systems and Technologies (CISTI)* (pp. 1-6). IEEE.
- Mohd, R. (2019, August 4). *Generasi digital perlu pedagogi abad ke-21*. Berita Harian. <https://www.bharian.com.my/rencana/muka10/2019/08/599377/generasi-digital-perlu-pedagogi-abad-ke-21>
- Pedroso, J. E. P., Sulleza, R. V. S., Francisco, K. H. M. C., Noman, A. J. O., & Martinez, C. A. V. (2023). Students' views on using Canva as an all-in-one tool for creativity and collaboration. *Journal of Digital Learning and Distance Education*, 2(2), 443–461. <https://doi.org/10.56778/jdlde.v2i2.117>
- Radzi, M. Q. A. N. A., & Sulaiman, S. (2021). Online distance learning new norm in undergraduate graphic design education. *Ideology Journal*, 6(1), 43-48.
- Ramlie, M. K., Rahaman, A. A., Ahmad, A. K. A., & Abdullah, M. (2023). Inovasi kaedah pembelajaran: perkembangan penggunaan teknologi dalam institusi pendidikan. *Ideology Journal*, 8(1), 94-103. <https://doi.org/10.24191/ideology.v8i1.407>
- Sabran, M. F. (2019). Video sebagai bantara praktis seni media baru di Malaysia. *Ideology Journal*, 4(1), 53-54.
- Wulan, R., Saputra, S., & Baihaqi, A. D. (2025). Transformasi Pendidikan di Era Digital dengan Memanfaatkan Canva sebagai Media Teknologi Modern dan Kreatif. Kapas: *Kumpulan Artikel Pengabdian Masyarakat*, 4(1). <https://doi.org/10.30998/ks.v4i1.4282>